



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 MAC 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

23 MAC 2023 (KHAMIS)



Salahuddin bersama Fuziah melihat baju raya selepas melancarkan Jualan Rahmah Baju Raya Jakel di Wisma Jakel, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

KPDN cadang perluaskan inisiatif Payung Rahmah

Bantuan pakaian sekolah, pakej perkahwinan serta pertunangan bantu tangani kos sara hidup

Dilah Zanariah & Hisham Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup (KPDN) bercadang memperluaskan inisiatif Payung Rahmah, membabitkan pakaian sekolah dan pakej perkahwinan serta pertunangan untuk membantu rakyat mendepani isu kos sara hidup.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata setakat ini, sambutan terhadap inisiatif itu amat menggalakkan, dengan terbaharu daripada syarikat besar seperti Jakel dan Mydin, yang menawarkan pakaian dan tekstil pada harga mampu milik.

"Apa yang membanggakan,

pemain industri langsung tidak berkompromi dengan kualiti bahan yang ditawarkan dalam inisiatif ini.

"Apabila sudah sampai ke tahap ini, pada masa akan datang lebih banyak lagi libat urus akan dilakukan bersama industri tekstil ini supaya mereka boleh menawarkan pakej penting.

"Antaranya, baju sekolah, pakej perkahwinan dan pertunangan, yang mana akan ada Paket Rahmah yang ditawarkan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Jualan Rahmah Baju Raya Jakel di Wisma Jakel, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Fuziah Salleh dan Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel.

Salahuddin berkata, beberapa syarikat tekstil lain juga akan menyertai inisiatif Payung Rahmah, termasuk daripada perindustrian mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Runcangan Jaringan
Sementara itu, Mohamed Faroz berkata, Jualan Rahmah, yang

menawarkan potongan harga tambahan antara 10 peratus ke 20 peratus bagi barang yang sudah diberikan diskaun, bermula hari ini sehingga 30 Syawal, iaitu RM149 berbanding harga diskaun RM259 sebelum ini.

Kurta pula ditawarkan pada harga RM49 berbanding harga diskaun RM79, selain pembelian tambahan bagi samping pada harga antara RM39 dan RM49.

"Jakel mahu memberi peluang kepada rakyat untuk membeli pakaian raya dengan harga mampu milik.

"Kita faham dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan selepas berbincang dengan kementerian, kita memutuskan untuk menyertai inisiatif Payung Rahmah ini," katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan, cawangan Jakel yang baharu di Shah Alam akan dibuka pada Jumaat ini, bagi menggantikan bangunan lama yang terbakar, awal tahun ini.

'Jangan ambil kesempatan naikkan harga ketika Ramadan'

Kementerian kenakan tindakan tegas peniaga tindas pengguna

Mohd Mohd Rizli Kawi, Zamzahid Md Nuzalif, Izwan Abdullah, Neozzaeza Abdul Rahman, Zaini Salleh dan Fazly Gacella Ajies
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga, termasuk di bazar Ramadan dan yang mengambil kesempatan menaikkan harga makanan, sepanjang Ramadan ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pihaknya mengesahkan segerintir berbuat demikian dalam operasi yang dijalankan, antaranya Ops Terjah, Ops Tiris dan Ops Menu.

"Kita tidak pernah berkompromi terhadap peniaga yang mengambil kesempatan ini."

"Kita nasihat jika ada kesalan seperti tidak meletakkan tanda harga, tapi jika ada pencautan, kita akan mengambil tindakan tegas," katanya sambil menambah pihaknya akan memantau dari semasa ke semasa.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan Paket Rahmah oleh Lulu Hypermarket, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Se- rantaui Lulu Malaysia, Asif Mo- idu Ahamed.

Selain itu, Salahuddin memaklumkan, bekalan sayur dijangka mencukupi sepanjang Ramadan dan Aidilfitri, berdasarkan tin- jauan pasukan KPDN di Cameron Highlands.

Sementara itu, Lulu Hyper-

market ménawarkan penjimatan sehingga 70 peratus bagi 216 barang, termasuk keperluan asas di enam cawangannya di seluruh negara hingga 1 Mei depan.

Di Kuching, peniaga Bazar Ramadhan E-Mart di Batu Kawa, Tony Osman, berkata beliau akan mengekalkan harga seperti tahun lalu walaupun kenaikan harga barang mentah tahun ini.

"Tahun lalu, saya jual beriani RM10 hingga RM18 dan harga itu kekal tahun ini," katanya yang menjual menjual nasi beriani ayam, kambing, lembu dan ikan tenggiri.

Seorang peniaga di Satok, Eda Johari, pula mengakui belum dapat menetapkan harga jualan meskipun bazar Ramadan akan bermula esok berikutkan kenaikan kos barang mentah.

"Saya menjual mi, kuatiau, bihun yang semuanya menggunakan telur. Ketika berniaga di Bazar Ramadan tahun lalu, telur antara RM10 hingga RM12 sepa- pan, sekaran mencecah antara RM19 hingga RM20," katanya.

"Kita tidak pernah berkompro- mi terhadap peniaga yang me- ngambil kesempatan ini."

"Kita nasihat jika ada kesalan seperti tidak meletakkan tanda harga, tapi jika ada pencautan, kita akan mengambil tindakan tegas," katanya sambil menambah pihaknya akan memantau dari semasa ke semasa.

Antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah sawi da- ripada RM6 sekilogram kepada RM10 sekilogram; cili besar antara RM8 hingga RM10 kepada RM14 sekilogram dan kacang bendi kepada RM13 hingga RM14 sekilogram berbanding RM9 hingga RM10 sebelum ini.

Peniaga, Mansor Yusof, 60, ber- kata harga naik berikutan pem- bekal mengambil keuntungan sempena musim perayaan.

Seorang lagi peniaga, Ku Asraf Wajidi Ku Hashim, 24, berkata harga sayur meningkat, menjelang Ramadan pada setiap tahun, selain berpunca daripada cuaca



Salahuddin (empat dari kanan) selepas melancarkan Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan Paket Rahmah oleh Lulu Hypermarket di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto FB KPDN)

buruk dan banjir yang memusnahkan tanaman.

Seorang pengguna, Rohaiyah Bahari, 50, berharap Jualan Rahmah diperluaskan bagi mengurangkan beban rakyat.

"Tahun ini, harga barang mahal lagi. Nak sambut puasa belum-betul rasa terbeban. Gaji tak naik barang naik," katanya.

Sementara itu, di Kuala Terengganu, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu, Datuk Dr Alias Razak, berkata peniaga Bazar Ramadan yang menjual makanan tercemar dan basi dikenakan tindakan tegas, termasuk denda sehingga RM10,000 dan penutupan perniagaan serta inertia.

Belian berkata, kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan peniaga yang terbabit dengan kesalahan itu kerana ia membabitkan kesihatan dan nyawa orang ramai.



Orang ramai membeli barang keperluan asas sebagai persiapan menyambut ketibaan Ramadan di Pasar Besar Alor Setar, semalam.
(Foto BERNAMA)



Pekerja membersihkan periuk besar untuk memasak bubur lambuk ketika tinjauan persiapan menyambut Ramadan di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)



Peniaga melakukan persiapan untuk bermiaga di Bazar Ramadan Tenggiri, Seberang Jaya, semalam.
(Foto Danial Saad/BH)

Bakul Rahmah ringan beban golongan memerlukan

Petaling Jaya: Ketibaan Ramadhan sering menjadi platform pelbagai pihak untuk melipatgandakan amalan bersedekah dan berkongsi rezeki kepada golongan yang memerlukan agar ia lebih diberkati.

Sama ada bantuan dalam bentuk barang makanan dan keperluan sehari-hari atau wang tunai ia amat dihargai kerana dapat mengurangkan beban kos sara hidup yang meningkat.

Bagi Ketua Komuniti Zon 3 USJ, di sini, Norazliana Husin, 51, mengaku banyak bantuan bakal diterima daripada pelbagai pihak yang memberi makna yang besar lebih-lebih lagi pada Ramadan.

"Saya ada 10 anak, jadi bantuan yang diberikan sangat bererti untuk meringankan beban saya sekeluarga yang tinggal di bandar besar seperti Subang Jaya.

"Sebelum ini, banyak bantuan



Norazliana Husin

diterima daripada pihak berkuala tempatan (PBT) dengan kerjasama bersama badan bukan kerajaan (NGO). Ini membuktikan mereka amat mengambil berat terhadap kami golongan B40.

"Saya berharap akan ada lagi bantuan seperti ini kerana ramai penduduk di sini memerlukannya bagi menampung keperluan harian," katanya ditemui baru-baru ini.

Beliau adalah antara 100 penduduk di Subang Jaya menerima bantuan Bakul Rahmah Ramadan daripada BG Capital Holdings Sdn Bhd dan Aeon Big cawangan Subang Jaya.

Bagi suri rumah, Faizatul Nalkiyah, 38, berkata bantuan diterima memberi sinar kepada golongan masyarakat di sekitar bandar ini terutama kalaangan mereka yang berpendapatan rendah dan tiada pekerjaan tetap.



Paramaswari menunjukkan sumbangan diterimanya.

Katanya, dengan bantuan itu ia dapat digunakan sebaiknya untuk tempoh beberapa hari tanpa perlu berbelanja lagi terutama ketika kita semua menyambut bulan puasa.

"Saya tak sangka tersenarai sebagai penerima, jadi bila saya tahu saya terpilih, saya tidak lepaskan peluang begitu sahaja ker-

rana tidak semua dapat peluang seperti ini," katanya.

Seorang lagi penerima, suri rumah, Paramaswari Marimuthu, 43, berkata bantuan yang diterima itu mampu mengurangkan beban kos sara hidup di bandar lebih-lebih lagi keadaan ekonomi negara ketika ini yang sedang dalam proses pemulihan dari

pada pandemik COVID-19.


"Saya tidak mempunyai pendapatan dan tiada pekerjaan selepas berhenti bekerja sebagai tukang sapu.

"Walaupun suami saya bekerja, pendapatannya masih tidak mencukupi sebab tinggal di bandar raya jadi kos sara hidup tinggi.

"Saya gembira sebab tersenarai sebagai penerima manfaat ini. Antara keperluan yang saya dapat seperti minyak masak, gula dan beberapa lagi keperluan harian lain sudah memadai.

Pengarah Urusan BG Capital Holdings, Saliza Abdullah, berkata sempena kemuncak sambutan Hari Wanita Sedunia, pihaknya menyumbang Bakul Ramadhan kepada ibu tunggal dan golongan B4.

Katanya, berdasarkan program Payung Rahmah Kasih Sayang di bawah inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ini dilihat memberi impak positif kepada penduduk khususnya golongan terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID19.



SALAHUDDIN (empat dari kiri) melihat barang jualan selepas melancarkan Jualan Rahmah Lulu Hypermarket di Kuala Lumpur semalam.

Elak peniaga ambil kesempatan naik harga

Harga makanan bazar Ramadan dipantau

Oleh HARRITH HISHAM dan NURUL IRDINA SUMALI

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melakukan pemantauan di bazar Ramadan seluruh negara bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga makanan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pemantauan itu akan dilakukan dari semasa ke semasa menerusi beberapa siri operasi antaranya Ops Tiris, Ops Terjah dan Ops Menu.

"Berdasarkan data daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan tinjauan sendiri pegawai penguasa, kita dapatkan ada beberapa

peniaga yang kita ambil tindakan. Namun, ia masih dalam kadar yang minima.

"(Untuk bazar Ramadan) kita akan beri nasihat supaya mereka letakkan tanda harga. Tapi kalau ada kes-kes yang berlakunya isu pencatutan, kita akan ambil tindakan yang tegas. Itu kita tidak boleh kompromi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Majlis Pelancaran LuLu Hypermarket serta inisiatif Payung Rahmah dengan Pelancaran Jualan Rahmah, Menu Rahmah dan Pakej Rahmah, di sini semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, bekalan sayur untuk musim perayaan termasuk Ramadan dan Aidilfitri dijamin mencukupi.

"Saya juga lihat hari ini antara

barang-barang yang menjadi perhatian rakyat adalah sayur-sayuran.

"Berdasarkan tinjauan penguasa KPDN ke Cameron Highlands semalam, kita dapatkan insya-Allah bekalan sayur cukup untuk musim perayaan. Bekalan itu sebagai contoh barang-barang kritis seperti tomato dan kacang panjang," ujarnya.

Kata beliau, harga bagi beberapa jenis sayuran juga akan dimasukkan ke dalam skim harga maksimum dan akan diumumkan dalam beberapa minggu lagi.

Mengulas mengenai LuLu Hypermarket, Salahuddin berkata, lebih 216 barang-barang pilihan termasuk barang keperluan asas diberikan tawaran harga Rahmah dan juga Pakej rahmah dengan potongan 70 peratus.

Kesedaran hak pengguna di Malaysia pada tahap sederhana - Fuziah

KUALA LUMPUR - Tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap kepenggunaan dan hak sebagai pengguna terutama dalam membuat keputusan pembelian masih di tahap paling sederhana.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, dapatan itu berdasarkan Kajian Pendayaupayaan Pengguna Malaysia Tahun 2019-2022 yang dilaksanakan kementeriannya.

Menurutnya, laporan hasil kajian tersebut mendapati Indeks Pendayaupayaan Pengguna Malaysia (CEI) berada di tahap sederhana dengan skor 63.1 peratus.

"Perincian lain adalah pertimbangan pembelian ialah 68.8 peratus, literati kewangan 62.5 peratus dan keupayaan untuk membuat aduan serta tuntutan tebus rugi pulak adalah 56.1 peratus.

"Hasrat kita kini adalah mahukan 33 juta pengguna Malaysia menjadi pengguna yang berdaya upaya iaitu pengguna yang bijak, tahu hak dan berani bertindak," katanya bagi menjawab pertanyaan **Rodiyah Sapiee (GPS - Batang Sadong)** meminta menyatakan sama ada kementeriannya akan menilai semula dasar-dasar kepenggunaan terutama Dasar Pengguna Negara memandangkan fokus Kementerian telah bertambah kepada isu kos sara hidup.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, kementeriannya juga sedang menambah baik Dasar Pengguna Negara (DPN) 1.0 dan dijangka selesai dalam ini.

"Semua elemen penting kepenggunaan telah dikenalpasti untuk dimasukkan dalam penambahbaikan DPN yang akan datang selari dengan hala tuju baharu kementerian dan konsep Malaysia Madani," katanya.

Menurutnya, kerajaan melalui kementeriannya juga akan mengkaji bagaimana negara-negara lain yang pendayaupayaan penggunanya di tahap tinggi dan bagaimana persatuan pengguna berperanan untuk dijadikan *benchmark*.

Big eateries can promote Menu Rahmah

By BENJAMIN LEE
benikh@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Big restaurants will lead the way in promoting the Menu Rahmah initiative without the need to change the standard RMS price point, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said concerns of restaurants going into debt and closing down from offering Menu Rahmah were completely unfounded.

"Most of the restaurants that have a Menu Rahmah have been running for years, if not decades, and a loyal customer base who frequents the restaurant."

"The risk of them suddenly losing profits to the point they need to close is extremely unlikely as the reduced profits from selling

Menu Rahmah is made up by the increased number of new customers due to Menu Rahmah.

"This does not include the additional revenue from drinks or snacks these additional customers may order," he said after launching the LuLu Malaysia Jualan Rahmah Ramadan Promotion campaign at LuLu Hypermarket in Cap Square here yesterday.

The campaign, under the government's affordable shopping initiative Payung Rahmah, offer discounts of up to 70% on various daily necessities, from soap to food to electrical appliances, in all five of LuLu's retail outlets in Klang Valley and its Johor Baru outlet until May 1.

He added that his ministry had yet to receive any complaint of Menu Rahmah causing massive losses or closures from the

majority of places currently running the initiative.

He also reiterated that the Menu Rahmah initiative would continue to stay at its maximum RMS price and restaurants looking to sell their food at discounted prices but could not reach the RMS pricing would not be considered as Menu Rahmah.

"While it won't be considered as a Menu Rahmah, we welcome the efforts by any business looking to sell their products or food at a reduced price to help the people."

"Menu Rahmah is not a forced initiative, we are not compelling restaurants or businesses to follow our pricing," he said.

Salahuddin added that his ministry would work with more industry players to expand the Rahmah initiative for the upcoming festive season.

Lori minyak di premis rampasan terbakar

Kuching: Sebuah lori tangki minyak di premis penyimpanan barang rampasan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Jalan Ellis di sini, terbakar, kelmarin.

Pusat Gerakan Operasi (PGO) Bomba Sarawak memaklumkan panggilan mengenai insiden itu diterima pada jam 12.55 tengah malam dan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Padungan serta Batu Lintang ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi, didapati keluasan kebakaran dianggarkan 10 meter per-

segi dan turut memusnahkan sebuah lori tangki minyak yang terbakar 100 peratus.

"Selain itu, pihak bomba juga berjaya menyelamatkan 14 daripada 16 kenderaan pelbagai jenis dan sebuah struktur stor penyimpanan barang rampasan seperti bahan petroleum dan gas petroleum cecair (LPG) berukuran 20x20 meter," menurutnya dalam satu kenyataan, semalam.

Kebakaran juga tidak membabitkan struktur bangunan dan operasi pemandaman tamat pada jam 1.50 pagi, menurut kenyataan itu.



MEDIA ONLINE (KPDN)

23 MAC 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Mar	KPDN pantau harga makanan di bazar Ramadan	https://www.kosmo.com.my/2023/03/22/kpdn-pantau-harga-makanan-di-bazar-ramadan/	KOSMO
23-Mar	Cost of Living Ministry wants to work with more industry players to expand Rahmah initiative	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/22/cost-of-living-ministry-wants-to-work-with-more-industry-players-to-expand-rahmah-initiative	THESTAR
23-Mar	KPDN tambah baik Dasar Pengguna Negara 1.0	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080397/kpdn-tambah-baik-dasar-pengguna-negara-10	BH
23-Mar	Kesedaran hak pengguna di Malaysia di tahap sederhana - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250907	SH
23-Mar	Consumers at 'moderate level' on awareness when making purchases	https://m.malaysiakini.com/news/659623	MALAYSIAKINI
23-Mar	Peniaga bazar Ramadan diingat jangan sesuka hati naikkan harga	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080359/peniaga-bazar-ramadan-diingat-jangan-sesuka-hati-naikkan-harga	BH
23-Mar	Suami isteri dituduh menipu, jual telur ayam tak wujud	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948551/suami-isteri-dituduh-menipu-jual-telur-ayam-tak-wujud	HM
23-Mar	Lori minyak di premis rampasan KPDN Kuching terbakar	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/lori-minyak-di-premis-rampasan-kpdn-kuching-terbakar-411948%3famp=1	ASTROAWANI

23-Mar	Lori minyak di premis rampasan KPDN terbakar	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948423/lori-minyak-di-premis-rampasan-kpdn-terbakar	HM
23-Mar	Lori minyak di premis rampasan KPDN terbakar	https://www.buletintv3.my/nasional/lori-minyak-di-premis-rampasan-kpdn-terbakar/	BULETINTV3
23-Mar	Lebih banyak pengusaha tekstil akan terlibat Jualan Rahmah - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-bisnes/lebih-banyak-pengusaha-tekstil-akan-terlibat-jualan-rahmah-salahuddin-412089%3famp=1	ASTROAWANI
23-Mar	KPDN cadang perkenalkan Wakaf Rahmah	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59986-kpdn	BERITARTM
23-Mar	Lebih banyak pengusaha tekstil akan terlibat Jualan Rahmah – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/03/22/lebih-banyak-pengusaha-tekstil-akan-terlibat-jualan-rahmah-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
23-Mar	Kerajaan akan perkenal pakej perkahwinan, baju sekolah Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080506/kerajaan-akan-perkenal-pakej-perkahwinan-baju-sekolah-rahmah	BH
23-Mar	Cadangan sistem pembayaran terbuka di lebuh raya dibincang minggu depan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948641/cadangan-sistem-pembayaran-terbuka-di-lebuh-raya-dibincang-minggu-depan	HM
23-Mar	Salahuddin: More textile entrepreneurs to be involved in for Jualan Rahmah	https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-more-textile-entrepreneurs-to-be-involved-in-jualan-rahmah-JO10782902	THESUNDAILY

23-Mar	Lebih banyak pengusaha tekstil akan terlibat Jualan Rahmah	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175502	BERNAMA
23-Mar	Baju Raya' at discounted price via Rahmah initiative	https://www.thesundaily.my/local/baju-raya-at-discounted-price-via-rahmah-initiative-OO10783591	THESUNDAILY
23-Mar	Inisiatif Rahmah bakal diperluas kepada pakej persekolahan, perkahwinan	https://www.kosmo.com.my/2023/03/22/inisiatif-rahmah-bakal-diperluas-kepada-pakej-persekolahan-perkahwinan/?utm_source=rss&utm_medium=ss&utm_campaign=inisiatif-rahmah-bakal-diperluas-kepada-pakej-persekolahan-perkahwinan	KOSMO
23-Mar	Perbincangan 2 kementerian mengenai bayaral tol terbuka minggu depan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080518/perbincangan-2-kementerian-mengenai-bayaral-tol-terbuka-minggu-depan	BH
23-Mar	Parlimen: Kesedaran hak pengguna Malaysia pada tahap sederhana	https://tvstv.my/2023/03/22/parlimen-kesedaran-hak-pengguna-malaysia-pada-tahap-sederhana/	TVSTV